

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.0 PENDAHULUAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan berkenaan dengan analisis dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah kajian yang telah dijalankan, iaitu kaedah pemerhatian berserta dan kaedah soal selidik. Semua rumusan berkenaan dengan dapatan kajian yang diperolehi akan dibincangkan dan dihuraikan dalam bab ini. Seterusnya, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan berkenaan dengan fenomena percampuran kod kepada kajian yang akan datang.

#### **5.1 RUMUSAN**

Seperti mana yang dibincangkan sebelum ini, objektif utama kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauh mana fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Lantaran itu, kajian ini juga ingin mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena tersebut.

Untuk melengkapkan kajian ini, dua kaedah kajian telah digunakan oleh pengkaji, iaitu kaedah pemerhatian berserta dan kaedah soal selidik. Pengkaji telah berjaya memperolehi dapatan kajian yang diperlukan dan berupaya untuk menjawab soalan kajian yang ditentukan sebelum ini. Dalam bahagian seterusnya, pengkaji akan membuatkan rumusan terhadap analisis yang dibincangkan sebelum ini.

### **5.1.1 Kaum Cina di Kelantan memang kerap menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin**

Berdasarkan dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab keempat, dapat kita rumuskan bahawa fenomena percampuran kod memang wujud dalam bahasa Mandarin di Kelantan, dan kian hari kian merebak. Hal ini dapat kita lihat berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada kaedah pemerhatian, boleh dikatakan kebanyakan ujaran yang diutarakan oleh responden telah mengalami percampuran kod yang berbeza, sama ada kod dalam dialek Kelantan, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Siam ataupun dialek Hokkien.

Penggunaan kod yang berbeza yang dicampurkan ke dalam ujaran bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan telah menyebabkan berlakunya satu fenomena yang amat membimbangkan, di mana penutur bahasa Mandarin yang bukan berasal dari Kelantan tidak dapat memahami bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan. Di samping itu, juga wujudnya perselisihan kefahaman sesama penutur bahasa Mandarin. Adakah ini merupakan satu keunikan bahasa? Atau merupakan satu pencemaran bahasa? Kaum Cina di Kelantan sendiri juga mempunyai pandangan dan pendapat yang berlainan berkenaan dengan persoalan ini.

Jika berdasarkan analisis dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah soal selidik, memang dapatan kajian menunjukkan majoriti responden yang dipilih untuk menjawab soal selidik pengkaji, sama ada responden lelaki ataupun perempuan, kebanyakannya mengakui diri mereka kerap menggunakan kod yang bercampur ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Begitu juga dengan analisis yang dikumpul daripada kaedah temu bual semasa kajian rintis dijalankan. Dalam kajian rintis yang dijalankan, responden yang ditemubual,

semuanya bersetuju bahawa fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan memang digunakan dengan berleluasa.

Daripada penganalisan data-data kajian yang diperolehi, ia juga menunjukkan kaum Cina di Kelantan kerap menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, ia menunjukkan satu gambaran yang sama, iaitu kaum Cina di Kelantan memang kerap menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin dan fenomena ini juga kian hari kian merebak. Jadi, secara rumusnya, dapat kita simpulkan bahawa kaum Cina di Kelantan, majoritinya memang kerap menggunakan percampuran kod ketika berinteraksi dalam bahasa Mandarin.

### **5.1.2 Analisis kod yang paling kerap bercampur dalam bahasa Mandarin di Kelantan**

Dalam analisis dapatan kajian yang diperolehi, dapat kita lihat dengan jelasnya dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan, kod yang sering dicampurkan adalah bahasa Melayu, bahasa Siam, bahasa Inggeris, dialek Kelantan dan dialek Hokkien.

Berdasarkan penganalisan data-data kajian yang dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pemerhatian berserta ataupun kaedah soal selidik, dapatan kajian menunjukkan gambaran yang sama iaitu dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan oleh kaum Cina Kelantan ketika mereka berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Memandangkan dapatan yang dipungut daripada pemerhatian berserta dan soal selidik menunjukkan dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam

bahasa Mandarin di Kelantan, jadi dapatan kajian yang menjawab soalan kajian pertama yang ditentukan sebelum ini boleh dikatakan sah dan kukuh, iaitu dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan.

Dialek Kelantan ialah bahasa setempat yang digunakan oleh masyarakat Kelantan semasa komunikasi harian. Dialek Kelantan mempunyai perbezaan yang agak ketara jika berbanding dengan bahasa Melayu baku. Disebabkan pergaulan yang rapat dengan kaum Melayu yang merupakan kaum majoriti di Kelantan, jadi kebanyakan kaum Cina di Kelantan fasih bertutur dalam dialek Kelantan. Jadi, memang tidak hairanlah mengapa dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan. Disebabkan percampuran kosa kata dialek Kelantan kerap berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan, maka ia telah menyebabkan hanya kaum Cina di Kelantan yang faham dengan apa yang mereka tuturkan, kaum Cina yang bukan berasal dari Kelantan langsung tidak boleh memahami bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan disebabkan percampuran kod yang pelbagai kerap berlaku.

Jadi, secara rumusnya, dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan. Jadi, ini telah menjawab soalan kajian pertama yang ditentukan dalam bahagian 1.4 sebelum ini.

### **5.1.3 Analisis golongan kata yang paling kerap dicampurkan ke dalam kod yang berlainan dalam bahasa Mandarin di Kelantan**

Menurut analisis dapatan kajian, dengan jelasnya dapat kita lihat bahawa golongan kata nama merupakan golongan kata yang paling kerap dicampurkan oleh kaum Cina di Kelantan semasa mereka berinteraksi dalam bahasa Mandarin. Kata-kata nama yang dicampurkan terdiri daripada kosa kata bahasa Melayu, kosa kata bahasa Inggeris, kosa kata bahasa Siam, kosa kata dialek Kelantan ataupun kosa kata dialek Hokkien. Seterusnya, diikuti dengan kata adjektif, kata tugas, dan akhirnya ialah kata kerja. Jadi, boleh kita rumuskan bahawa kata nama merupakan golongan kata yang paling kerap dicampurkan dengan kod lain dalam bahasa Mandarin yang dituturkan oleh kaum Cina di Kelantan kerana majoriti kaum Cina akan terus menggunakan kata nama dalam bahasa yang mereka biasa gunakan dan secara langsung tidak akan gunakan kata nama berkenaan yang wujud dalam bahasa Mandarin. Menurut pandangan responden, percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan paling kerap berlaku dalam golongan kata nama kerana dipengaruhi oleh faktor kelemahan penguasaan Mandarin kaum Cina di Kelantan. Apabila tahap penguasaan bahasa Mandarin seseorang pengguna bahasa itu lemah, jadi secara langsungnya mereka akan menggunakan kosa kata dalam bahasa yang mereka lebih fasih dan ketahui untuk menggantikan sesuatu kosa kata dalam bahasa Mandarin.

Secara rumusnya, boleh kita katakan bahawa kata nama merupakan golongan kata yang paling kerap dicampurkan dengan pelbagai kod asing semasa kaum Cina di Kelantan bertutur dalam bahasa Mandarin dan ini telah menjawab soalan kajian kedua yang pengkaji tentukan dalam bahagian 1.4.

#### **5.1.4 Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan**

Seperti mana yang dibincangkan dalam soalan kajian ketiga, dalam kajian ini pengkaji ingin meninjau juga faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Menurut dapatan analisis kajian, dapat kita rumuskan bahawa fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu. Mengikut dapatan kajian, faktor yang utama yang menyebabkan fenomena ini berlaku adalah faktor tahap penguasaan bahasa Mandarin kaum Cina Kelantan yang lemah. Disebabkan kelemahan dalam penguasaan bahasa Mandarin, jadi kaum Cina di Kelantan terpaksa mencampurkan kosa kata bahasa asing dalam interaksi mereka dalam ujaran bahasa Mandarin dengan tujuan untuk melicinkan proses pertuturan dan dapat menyampaikan apa yang hendak mereka sampaikan. Selain faktor kelemahan tahap penguasaan bahasa Mandarin, fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pengaruh pelbagai bahasa yang berlainan, pengaruh latar belakang kaum Cina di Kelantan, pengaruh media massa dan sebagainya. Selain itu, sikap penutur sendiri juga mempengaruhi fenomena percampuran kod, di mana ada juga penutur yang mengatakan bahasa Mandarin yang bercampur dengan pelbagai kod asing itu boleh melambangkan keunikan bahasa dan identiti mereka sebagai anak Cina Kelantan sejati.

Jadi, dapat kita rumuskan bahawa pelbagai faktor yang telah mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan, dan faktor utama yang

membawa kepada fenomena ini adalah kelemahan penguasaan bahasa Mandarin di kalangan kaum Cina Kelantan.

#### **5.1.5 Analisis sikap dan pandangan kaum Cina di Kelantan terhadap fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin**

Seperti mana yang dibincangkan dalam bahagian 1.4 sebelum ini, salah satu soalan kajian dalam kajian kali ini adalah untuk meninjau sikap dan pandangan kaum Cina di Kelantan terhadap fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Untuk menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual semasa kajian rintis dijalankan untuk memperolehi data dan maklumat yang sahih.

Jika berdasarkan dapatan kajian yang didapati daripada analisis soal selidik dan temu bual, dapat kita lihat pandangan dan sikap kaum Cina di Kelantan terhadap fenomena ini boleh dibahagikan kepada dua jenis, ialah satu golongan yang mengatakan fenomena percampuran kod yang berlaku dengan berleluasa dalam bahasa Mandarin di Kelantan merupakan pencemaran bahasa yang berupaya menjejaskan kejituan bahasa Mandarin piawai. Namun, sebaliknya, ada pula golongan yang mengatakan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan telah mewujudkan satu fenomena keunikan bahasa, di mana bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan boleh dianggap sebagai keunikan bahasa yang boleh melambangkan identiti mereka sebagai anak Cina Kelantan yang sejati. Namun, jika dibandingkan, lebih banyak responden yang mengatakan fenomena percampuran kod yang berleluasa yang melanda bahasa Mandarin di Kelantan

merupakan satu pencemaran bahasa di mana fenomena ini sepatutnya dikawal dengan langkah-langkah yang sewajarnya.

Untuk mengawal fenomena percampuran kod ini daripada terus merebak, dan mengurangkan penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan, beberapa langkah telah disarankan oleh responden kepada kaum Cina Kelantan. Untuk mengurangkan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan, setiap lapisan kaum Cina di Kelantan memainkan peranan tersendiri yang amat penting. Sebagai contohnya, ibu bapa mesti menjadi teladan kepada anak-anak mereka dengan menggunakan bahasa Mandarin yang berstandard dan bukannya menggunakan bahasa Mandarin yang bercampur dengan pelbagai kod asing. Hal ini kerana penggunaan bahasa seseorang pengguna bahasa adalah berasas daripada ibu bapa ataupun penjaga yang mengasuh dan mendidiknya sejak kecil lagi. Bagi pihak pendidik dan sekolah pula, mestilah berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Mandarin para pelajar, ini kerana kebanyakan responden berpendapat bahawa faktor utama yang membawa kepada berlakunya fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan yang begitu berleluasa ialah faktor penguasaan bahasa Mandarin kaum Cina di Kelantan yang lemah.

Di samping itu, kaum Cina di Kelantan juga perlu menggerakkan lebih banyak aktiviti dan kempen yang boleh menggalakkan penggunaan bahasa Mandarin yang standard. Akhirnya, sikap penutur sendiri terhadap penggunaan bahasanya memainkan peranan yang terpenting. Ini kerana jikalau seseorang penutur bersikap prihatin terhadap penggunaan bahasanya, jadi secara tidak langsung dia akan mengurangkan penggunaan percampuran kod ketika penutur tersebut bertutur dalam bahasa Mandarin.

Akhirnya, memang kita tidak menafikan bahawa fenomena percampuran kod yang wujud dalam bahasa Mandarin di Kelantan merupakan satu keunikan yang boleh melambangkan identiti penutur sebagai anak jati Kelantan, namun jika ditinjau dalam perkembangan dan juga masa Mandarin di Kelantan, ia akan membawa fenomena kelainan yang akan menjejaskan kejituan bahasa Mandarin dan mungkin membawa pelbagai kesan negatif yang tidak diinginkan.

## **5.2 CADANGAN-CADANGAN**

Dalam bahagian ini, pengkaji ini membincangkan beberapa cadangan yang mungkin dapat mencungkil minat dan mencetuskan idea kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat terhadap fenomena percampuran kod yang melanda masyarakat Malaysia yang bermultilingual ini.

Jika berkenaan dengan fenomena percampuran kod dalam bahasa Inggeris dan Melayu, sebenarnya sudah banyak kajian lepas yang telah dilakukan. Namun, berkenaan dengan kajian percampuran kod dalam bahasa-bahasa ataupun dialek kumpulan minoriti sesuatu masyarakat, kajian berkenaan dengan topik ini masih lagi berkurangan. Jadi, di sini pengkaji ingin mencadangkan kepada pengkaji yang akan datang mengkaji tentang fenomena percampuran kod yang melanda dalam dialek-dialek ataupun bahasa dalam masyarakat minoriti di sesebuah negeri. Sebagai contohnya, fenomena percampuran kod dalam bahasa Siam di Kelantan ataupun Kedah. Kaum Siam merupakan kaum minoriti di kedua-dua negeri tersebut, pengkaji juga mendapati dalam bahasa Siam di kedua-dua tempat tersebut juga dilandai fenomena percampuran kod dengan begitu seriusnya.

Selain itu, dalam kajian pengkaji kali ini, hanya melihat kepada pembolehubah jantina, namun mengikut tinjauan dan pemerhatian pengkaji, pembolehubah umur juga merupakan satu topik yang boleh dikaji. Jadi, di sini pengkaji menyarankan pengkaji-pengkaji yang berminat dengan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan boleh mengkaji tentang fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan mengikut perbezaan golongan umur yang berbeza. Hal ini kerana dalam dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji mendapati responden daripada golongan umur yang berbeza memberikan pandangan dan pendapat yang berbeza berkenaan dengan topik kajian ini, begitu juga dengan kod yang dicampurkan, golongan umur yang berbeza jelas mencampurkan kosa kata bahasa yang berbeza.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberikan penekanan kepada kod yang bercampur dalam bahasa Mandarin kaum Cina di Kelantan, namun pengkaji juga menyarankan pengkaji-pengkaji akan datang mengkaji tentang fenomena percampuran kod dalam pertuturan dalam seni budaya dan hiburan tradisional masyarakat Kelantan. Contohnya di Kelantan, pertuturan yang diutarakan oleh tok dalang ketika persembahan wayang kulit dimainkan juga boleh menjadi satu topik yang sangat menarik. Hal ini kerana, pengkaji mendapati dalam persembahan wayang kulit dan dikir barat, mereka juga mencampurkan banyak kosa kata bahasa asing dalam pertuturan mereka ketika persembahan seni budaya tersebut itu dimainkan.

### 5.3 KESIMPULAN

Sebagai rumusan, dapat kita lihat bahawa dapatan kajian ini telah pun menjawab semua soalan kajian yang ditetapkan dalam bahagian 1.4 sebelum ini. Pertama, kod dalam dialek Kelantan merupakan kod yang paling kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Kedua, golongan kata nama adalah golongan kata yang paling kerap mengalami fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Ketiga, dapatan kajian menunjukkan faktor kelemahan dalam penguasaan bahasa Mandarin kaum Cina di Kelantan merupakan faktor utama yang mendorong kepada perebakan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Selain itu, fenomena percampuran kod juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pengaruh pelbagai bahasa yang berlainan, pengaruh latar belakang kaum Cina di Kelantan, pengaruh media massa dan sebagainya. Keempat, majoriti kaum Cina di Kelantan berpendapat bahawa fenomena ini merupakan satu pencemaran bahasa yang telah menjejaskan kejituan bahasa Mandarin piawai, namun ada juga kaum Cina Kelantan yang mengatakan bahasa Mandarin yang bercampur dengan pelbagai kod ini merupakan lambang keunikan bahasa kaum Cina di Kelantan dan boleh melambangkan identiti etnik mereka yang tersendiri. Jadi, langkah-langkah yang wajar mestilah diambil oleh pelbagai pihak kaum Cina di Kelantan untuk mengawal fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.